



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA SEGERA **SARAWAK HARI INI TIADA KES BAHARU POSITIF COVID-19** **DILAPORKAN**

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini tiada kes positif COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini kekal sebanyak **556** kes.

Dimaklumkan juga bahawa **satu (1)** kes baru yang telah sembuh dan discaj dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan, jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj seramai **526** orang atau **94.60%**.

Seramai **18 PUI** baru dilaporkan dan **7** kes masih menunggu ujian makmal.

2. PATUHI SOP DAN PENJARAKAN SOSIAL SEMASA PKPP

Seiring dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri, Negeri Sarawak akan beralih dari Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ke penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai hari ini. Penguatkuasaan PKPP adalah dilaksanakan di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit).

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020, dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak 4 Mei 2020, telah dapat mengawal penularan COVID-19 dengan berkesan di Sarawak. Ini adalah kerana masyarakat di Sarawak mampu menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mematuhi Prosedur-Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Namun dalam menyambut kelonggaran yang diberikan dan kes positif COVID-19 yang semakin berkurang, pematuhan terhadap SOP dan penjarakan sosial perlu diteruskan dan tidak boleh dikompromi sama sekali. Ini penting jika kita mahu rantai jangkitan wabak ini diputuskan. Masyarakat di seluruh Sarawak mampu mengawal jangkitan COVID-19 sekiranya semua terus menunjukkan pematuhan tinggi terhadap SOP yang ditetapkan kerajaan. Ini adalah berdasarkan hasil analisa kes-kes COVID-19 yang dikenal pasti oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak. Kegagalan masyarakat di seluruh Sarawak mematuhi SOP boleh mengundang kejadian gelombang kedua wabak COVID-19.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan dan memastikan langkah pencegahan serta kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan semasa PKPP. Sebarang maklumat terkini secara harian akan sentiasa dibuat melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri untuk makluman orang ramai. Tempoh PKPP (10 Jun -31 Ogos 2020) ialah tempoh yang amat penting sebagai penentu bagi strategi kawalan penularan COVID-19 seterusnya. Dan masyarakat di seluruh Sarawak memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan strategi ini.

Penjarakan sosial ialah langkah kawalan yang penting semasa PKPP untuk mengelak kejadian gelombang kedua wabak COVID-19 di Sarawak. Elakkan perjalanan yang tidak penting dan gunakan kaedah interaksi secara maya (virtual) selagi ianya dapat dilaksanakan. Bagi individu yang melakukan perjalanan rentas daerah pula, mereka perlu mengambil langkah-langkah pencegahan dan penjarakan sosial yang ketat semasa dalam perjalanan dan juga bila balik ke rumah sekiranya mempunyai ahli keluarga yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) kerana ahli-ahli keluarga mereka ini perlulah sentiasa dilindungi.

Orang ramai perlu meneruskan komitmen dalam mematuhi SOP ini dan sentiasa berwaspada. Sekiranya ada yang mengalami gejala batuk, sakit tekak, kehilangan deria hidu atau deria rasa secara tiba-tiba, berasa lemah atau berasa diri mempunyai risiko, segeralah pergi membuat saringan di pusat saringan kerajaan yang terdekat.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Home, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

10 JUN 2020

2.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN**1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	556	Kes sedang dirawat di hospital	13	2.34%
Kes Baharu	0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	48,533	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	556	Jumlah kes kematian	17	3.06%
IR per 100,000 penduduk	18.02	Kes telah sembuh dan discaj	526	94.60%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	15	7,029	18	7,592
Menunggu keputusan	5	7		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	12	0	1	0	13
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	15	0	0	2	17
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	1	0	0	1
	Kumulatif	452	31	12	526
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	8	2	0	19

DAERAH KUNING (3)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Simunjan	0	57	0	8	0	7	0	0	1	1
2	Samarahan	1	510	0	98	0	92	0	4	2	1
3	Kuching	12	4,822	0	334	1	317	0	10	7	2
Jumlah		13	5389	0	440	1	416	0	14	10	4

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (37)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
2	Bintulu	0	248	0	13	0	12	0	0	1	0
3	Serian	0	291	0	21	0	19	0	0	2	0
4	Sibu	0	101	0	7	0	7	0	0	0	0
5	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
6	Lundu	0	214	0	1	0	1	0	0	0	0
7	Bau	0	152	0	5	0	5	0	0	0	0
8	Limbang	0	28	0	9	0	8	0	1	0	0
9	Miri	5	590	0	23	0	22	0	1	0	0
10	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
11	Sri Aman	0	40	0	3	0	2	0	1	0	0
12	Betong	0	163	0	16	0	16	0	0	0	0
13	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
14	Mukah	0	35	0	1	0	1	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
17	Saratok	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Lubok Antu	0	18	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Kapit	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Marudi	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		5	2,203	0	116	0	110	0	3	3	0

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **83** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **19 buah hotel** adalah seramai **1,699 orang**.

Manakala seramai **14,039 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 10.06.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching	Pullman	146
2	(499)	Hilton	194
3		Riverside (Astana Wing)	82
4		Riverside (Puteri Wing)	77
5		Miri	Mega
6	(494)	Cosy Inn	1
7		Imperial Palace	139
8		Eastwood Valley	61
9		Meritz	187
10		Bintulu	Wasan Inn
11	(180)	Park City Everly	113
12		Fairfield By Marriott	60
13	Limbang	Purnama	4
14	(20)	Seri Malaysia (Lawas)	16
15	Sibu	RH Hotel	140
16	(506)	Premier Hotel	173
17		Li Hua	122
18		Medan	20

19		Tanah Mas	51
Jumlah PUS			1,699

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **20 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **961 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 10.06.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	310
2	Miri	186
3	Bintulu	71
4	Samarahan	69
5	Sarikei	66
6	Sibu	57
7	Limbang	51
8	Betong	35
9	Sri Aman	32
10	Kapit	31
11	Mukah	30
12	Serian	23
Jumlah		961

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **45 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 10.06.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	1
2	MP Kota Samarahan	1
3	MD Serian	3
4	MDSA	4
5	MP Sibul	10
6	BDA	1
7	MB Miri	21
8	MD Lawas	4
Jumlah		45